

16/03/1997

PM terima anugerah

ARAU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerima Anugerah Cemerlang Diraja Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) di Istana Arau di sini, semalam.

Anugerah tertinggi sempena ulang tahun sambutan Jubli Emas pemerintahan Raja Perlis itu adalah bagi menghargai jasa serta sumbangan Dr Mahathir dalam membangun dan memajukan negara.

Menerusi anugerah itu, Perdana Menteri menerima RM100,000 daripada yayasan berkenaan dan RM100,000 daripada kerajaan Perlis.

Ia disampaikan Raja Perlis dengan disaksikan Pengerusi YTSP, Raja Muda Perlis dan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

(END)